

# PM lawat Korea Selatan mulai 22 Mei

UM 11 MAY 2002  
SEOUL 10 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Korea Selatan pada bulan ini.

Menurut kenyataan Pejabat Presiden negara itu, semasa lawatannya ke sini mulai 22 hingga 24 Mei ini, Dr. Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Kim Dae-Jung bagi membincangkan hubungan ekonomi dua hala, isu serantau dan usaha pencegahan keganasan antarabangsa.

Dengan jumlah pelaburan AS\$5.8 bilion (RM22.04 bilion) Malaysia adalah pelabur terbesar di Korea Selatan di antara 10 negara anggota ASEAN.

Malaysia adalah rakan perdagangan ke-11 terbesar bagi Korea Selatan, dengan jumlah perdagangan dua hala bernilai AS\$6.7 bilion (RM25.46 bilion) pada 2001.

Kedua-dua negara mempunyai hubungan perdagangan yang erat. — AFP